

Nama Suratkhobar : Utusan Malaysia (Segmen Dalam Negeri)

Tarikh: 18 Disember 2015 (Jumaat)

Mukasurat: 20



SEBAHAGIAN daripada peserta bergambar di dalam kereta api semasa menyertai program Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan 2015 dari Kuala Lumpur ke Padang Besar, Perlis baru-baru ini. - UTUSAN/MOHD. NOOR MAT AMIN

KTMB, PNM anjur program galak minat membaca

PADANG BESAR 17 Dis. - Seramai 75 peserta yang terdiri daripada ibu bapa dan pelajar menyertai Program Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan 2015 yang dianjurkan oleh Perpustakaan Negara (PNM) dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) baru-baru ini.

Uniknya, program tersebut telah diadakan di dalam tren elektrik (ETS) dan para peserta telah di bawa dari Stesen KL Sentral di sini ke Padang Besar, Perlis yang memakan masa perjalanan selama empat jam.

Ketua Pengarah PNM, Nafisah Ahmad berkata, ia merupakan sebahagian daripada strategi Program Galakan Membaca bagi meningkatkan kesedaran membaca dalam kalangan pengguna-pengguna awam.

Katanya, pelbagai aktiviti literasi maklumat dan galakan membaca dijalankan semasa tren tersebut bergerak ke destinasi.

"Antara aktiviti tersebut adalah ceramah motivasi yang disampaikan Angkawasan Negara, Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor dan sesi bercerita bersama Prof. Madya Dr. Lim Swee Tin.

"Apabila tiba di Padang Besar, pelbagai aktiviti dijalankan antaranya pertandingan gubahan dan memasak," katanya di sini baru-baru ini.

Program itu dirasmikan Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Ab. Ghaffar A. Tambi.

Yang turut hadir ialah Presiden KTMB, Leftenan Kolonel (B) Sarbini Tijan.

Dalam program tersebut, sebanyak 200 hingga 300 buku telah diagihkan secara percuma kepada pengguna perkhidmatan ETS.

Tambah Nafisah, pihaknya memilih perkhidmatan ETS laluan Kuala Lumpur ke Padang Besar

sebagai lokasi program berikutan pembukaan laluan tersebut pada 11 Julai lalu yang menawarkan 24 perkhidmatan sehari.

Sementara itu, beberapa peserta yang ditemui melahirkan rasa gembira dengan pelaksanaan program tersebut.

Guru di SMK Putrajaya Presint 9, **Nurafidah Mohd. Khalid**, 39, memberitahu, program itu memberi pengalaman berguna kepada 10 orang pelajarnya yang mengikuti perjalanan dengan menaiki tren tersebut.

"Sempena cuti sekolah ini saya mengambil keputusan untuk membawa pelajar mengikuti program ini bagi memupuk minat mereka untuk membaca," katanya.

Sementara itu, bagi seorang pelajar, **Fatin Nor Athirah Yahya**, 16, program tersebut menambah pengetahuannya selain memberi peluang menaiki kereta api bersama rakan-rakan.